



Yang Arif / YBhg. Tan Sri/ YBhg. Datuk/ YBhg. Dato'/ YBrs. Tuan/ YBrs. Puan,

RE: PELAKSANAAN PROSIDING MAHKAMAH SEMPENA PENUTUPAN JALAN KETIKA SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-47 PADA 26-28 OKTOBER 2025 BAGI KES-KES DI KUALA LUMPUR DAN SELANGOR

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa bersempena dengan Sidang Kemuncak ASEAN ke-47, beberapa laluan utama di sekitar Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya akan ditutup atau dilencongkan atas sebab-sebab keselamatan dan kawalan lalu lintas. Penutupan jalan ini dijangka berlangsung dari **26 hingga 28 Oktober 2025**, dan dijangka memberi kesan kepada perjalanan ke mahkamah, bukan sahaja kepada pihak peguam, malah juga kepada warga kehakiman serta pegawai Mahkamah.

2. Sehubungan dengan itu, saya telah diarahkan oleh Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya untuk memaklumkan bahawa bagi kes-kes di Kuala Lumpur dan Selangor:

1. **Kes-kes kes-kes sivil** (termasuk sambung bicara, bicara permohonan interlokutori, saman pemula dan pengurusan kes) yang telah ditetapkan untuk didengar dalam tempoh tersebut, boleh dilaksanakan secara dalam talian melalui aplikasi **Zoom**. Notis untuk menjalankan kes-kes tersebut dalam talian hendaklah dikeluarkan kepada pihak-pihak selewat-lewatnya pada **21 Oktober 2025**. Walaubagaimanapun, semua tatacara prosiding sivil secara dalam talian hendaklah selaras dengan **Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bil. 1 Tahun 2021 – Pengendalian Prosiding Kes Sivil melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh bagi Mahkamah di Seluruh Malaysia**.
2. **Bagi kes-kes jenayah**, prosiding secara **Zoom adalah kurang sesuai** memandangkan keperluan kehadiran fizikal tertuduh, pegawai penjara, saksi serta pihak pendakwaan. Sehubungan dengan itu, kes-kes berkenaan hendaklah ditetapkan untuk pengurusan kes bagi tujuan penjadualan semula selewat-lewatnya pada **21 Oktober 2025**. Penjadualan semula hendaklah dibuat berdasarkan tahun kes didaftarkan serta keutamaan sesuatu kes.

Segala perhatian dan kerjasama Yang Arif / YBhg. Tan Sri/ YBhg. Datuk/ YBhg. Dato'/ YBrs. Tuan/ YBrs. Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SYAHRIN BINTI JELI BOHARI)

Pegawai Khas I kepada

YAA Hakim Besar Malaya

Pejabat Hakim Besar Malaya

Istana Kehakiman



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia

ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA
Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Telefon : 03-8380 3500
Emel : cr@kehakiman.gov.my

Yang Arif / YBhg. Tan Sri/ YBhg. Datuk/ YBhg. Dato' / YBr. Tuan/ YBr. Puan,

RE: PELAKSANAAN PROSIDING MAHKAMAH SEMPENA PENUTUPAN JALAN BAGI TUJUAN RAPTAI PERSIDANGAN KEMUNCAK ASEAN KE-47 PADA 21 HINGGA 24 OKTOBER 2025 BAGI KES-KES DI KUALA LUMPUR DAN SELANGOR

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan e-mel saya bertarikh 16 Oktober 2025.

2. Sebagai susulan kepada e-mel saya bertarikh 16 Oktober 2025 berhubung pelaksanaan prosiding mahkamah pada 26 hingga 28 Oktober 2025 bagi kes-kes di Kuala Lumpur dan Selangor, saya telah diarahkan oleh Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya untuk memaklumkan bahawa berikutan penutupan jalan bagi tujuan raptai Persidangan Kemuncak ASEAN ke-47 yang dijadualkan pada **21 hingga 24 Oktober 2025**, pelaksanaan kes-kes sivil secara dalam talian melalui aplikasi **Zoom** serta penjadualan semula kes-kes jenayah seperti yang dinyatakan dalam e-mel tersebut adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara Yang Arif / YBhg. Tan Sri / YBhg. Datuk / YBhg. Dato' / YBr. Tuan / YBr. Puan. Walau bagaimanapun, pemakluman awal hendaklah diberikan kepada semua pihak berkepentingan.

3. Segala perhatian dan kerjasama Yang Arif / YBhg. Tan Sri/ YBhg. Datuk/ YBhg. Dato' / YBr. Tuan/ YBr. Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SYAHRIN BINTI JELI BOHARI)

Pegawai Khas I kepada
YAA Hakim Besar Malaya
Pejabat Hakim Besar Malaya
Istana Kehakiman